

**INSTITUSI MUFTI DAN FATWA:
SATU ANALISA TERHADAP ENAKMEN DAN
BEBERAPA FATWA PILIHAN
NEGERI SEMBILAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Institut Pengajian Siswazah,
Universiti Sains Malaysia, bagi memenuhi pengijazahan Doktor Falsafah

Oleh;

**ZULKIFLI BIN MOHAMAD
Mei 2004**

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan-petikan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28/05/2004

(ZULKIFLI BIN MOHAMAD)

PENGHARGAAN

"الحمد لله" ucapan yang paling sesuai dimulai ketika melakarkan pena ini dalam ruangan penghargaan. Ibn Qudamah al-Maqdisi di dalam kitabnya ‘Mukhtasar Minhaj al-Qasidin’ menjelaskan bahawa betapa kurniaan nikmat Allah s.w.t. yang tidak dapat dihitung yang dikategorikan kepada dua iaitu nikmat asas dan nikmat cabang. Termasuk di dalam nikmat asas itu ialah kesihatan, waktu, kehidupan, iman, amal soleh dan antara yang utama ialah ilmu pengetahuan yang membawa kepada ‘khasyatullah’.

Dengan sedikit curahan tenaga dan masa yang amat terbatas dapat disiapkan sebuah tesis dengan tarjih dan semakan yang bersungguh-sungguh yang dibuat oleh guru kami Fadhilatul Ustaz Prof. Madya Dr. Mohd Radzi bin Othman selaku penyelia kepada tesis ini.

Di atas sumbangan ilmiah yang dicurahkan itu kepada penulis yang terlalu cetek ilmu pengetahuan didahului dengan ucapan جزاكم الله خير الجزاء . Segala pengorbanan beliau diharapkan termasuk di dalam mizan kebajikannya pada hari yang tidak boleh memberi manfaat oleh harta benda dan anak pinak kecuali mereka yang datang mengadap Allah s.w.t. dengan hati yang sejahtera, amin.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Majlis Fatwa Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh Dato’ Haji Murtadza dan ahli-ahlinya yang memberi sokongan pemikiran dan semangat kepada penulis dalam menjayakan tesis ini.

Tidak ketinggalan kepada Kolej UNITI yang diketuai oleh ketua eksekutifnya Dr. Kamal Nasharudin Mustafa serta rakan-rakan perjuangan yang telah memberikan dorongan semangat dan kerjasama dalam menyiapkan tesis ini.

Buat Universiti Sains Malaysia (USM), ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana memberi ruang dan peluang kepada penulis untuk bernaung di bawah sayapnya dalam menimba ilmu pengetahuan yang tidak pernah surut. Penghargaan khas ditujukan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang sentiasa membantu urusan penulis dengan memberikan kerjasama yang cukup baik kepada penulis sebagai calon siswazah tinggi.

Tidak lupa dipersembahkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) dan kepada bahagian Pengajian Islam yang terlibat secara langsung dengan bidang yang penulis berpayung di bawahnya.

Dirakamkan juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh keluarga yang banyak membantu penulis sama ada dari segi maddi dan galakan semangat. Buat ayahanda, bonda, mertua, ibu-ibu saudara dan adik-beradik serta kepada isteri yang dikasih dan anak-anak ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat kalian.

Akhirnya kepada guru-guru yang telah mendidik penulis dari kecil sehinggalah penulis berjaya menjakkan kaki ke Universiti Islam Madinah dan Universiti Ulum Islamiyyah, Syria dan seterusnya sehingga ke Universiti Sains Malaysia. Penulis

mendoakan agar Allah s.w.t. menggandakan kebijakan mereka hasil usaha membentuk penulis mengenali ilmu Islam. Amin.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الْهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

TRANSLITERASI *HURUF ARAB – RUMI*

Kata dan frasa asing yang tidak menggunakan aksara rumi yang biasa digunakan hendaklah ditransliterasikan.

PADANAN HURUF ABJAD ARAB-RUMI

ABJAD	SEBUTAN ARAB	TRANSLITERASI RUMI
ا	(alif)	a
ب	(ba')	b
ت	(ta')	t
ث	(tha')	th
ج	(jim)	j
ه	(ha')	¥
خ	(kha')	kh
د	(dal)	d
ذ	(dhal)	dh

ر	(ra')	r
ز	(zay)	z
س	(sin)	s
ش	(shin)	sh
ص	(sad)	i
ض	(dad)	«
ط	(ta')	-
ظ	(za')	§
ع	(‘ayn)	c
خ	(ghayn)	gh
ف	(fa')	f
ق	(qaf)	q

ك	(kaf)	k
ل	(lam)	l
م	(mim)	m
ن	(nun)	n
و	(waw)	w
ه	(ha')	h
ء	(hamzah)	,
ي	(ya')	y
ة	(ta'marbutah)	h (ketika dimatikan bunyinya)
		t (ketika perlu dihidupkan bunyinya)

SENARAI SINGKATAN

a.s	‘alaihi al-salam
bil.	Bilangan
Dr.	Doktor
ed.	Edisi
H	Hijrah
Hal	Halaman
Ibid	Ibidem bermaksud rujukan sama dengan yang disebutkan di atas.
jil.	Jilid
JKS	Jawatankuasa Syariah
M	Masihi
op.cit	opere citato bermaksud rujukan yang telah disebutkan terdahulu daripada buku yang sama tetapi mukasurat yang berbeza dan telah didahului oleh rujukan yang lain.
I	bererti Allah Subhanahu Wa Ta’ala.
ρ	bererti Allah I berselawat dan salam untuknya.
Ψ	bererti Allah I meredhainya.
pnyt.	Penyunting
ptrj.	penterjemah
s.a.w	Sallallahu ‘alaihi wa sallam
s.w.t	subhabahu wa ta‘ala
t.pt	tanpa penerbit
t.th	tanpa tahun

t.tp	tanpa tempat
terj.	Terjemahan
r.a.	Radiallah anhu

ABSTRAK

INSTITUSI MUFTI DAN FATWA: SATU ANALISA TERHADAP ENAKMEN DAN BEBERAPA FATWA PILIHAN NEGERI SEMBILAN

Tesis ini yang diberi judul “Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan” membincangkan konsep fatwa dan mufti, adab, syarat-syarat dan sejarah, enakmen fatwa dan mufti Negeri Sembilan dan juga beberapa fatwa pilihan. Tujuan tesis ini untuk memahami dan mengkaji peruntukan enakmen negeri dan fatwa di Negeri Sembilan.

Sebagai mukadimah kepada tajuk ini, pengertian fatwa dan mufti didahuluikan penerangannya sama ada dari segi bahasa atau istilah. Hukum fatwa dan jawatan mufti serta syarat-syarat kelayakan juga dinyatakan. Akhirnya diimbas kembali sejarah fatwa dan mufti serta koleksi buku-buku fatwa dan sejarah disudahi dengan sejarah Negeri Sembilan serta enakmennya. Dalam bahagian kedua pula dijelaskan dengan lampiran daripada enakmen yang mempunyai kaitan dengan fatwa dan mufti. Enakmen-enakmen tersebut dibentangkan kemudian dijelaskan maksud dan cadangan serta saranan yang difikirkan perlu. Perkara ketiga merupakan analisa fatwa-fatwa pilihan yang lebih bersifat amali dan praktikal mengikut disiplin-disiplin ilmu yang dinyatakan dalam syarat fatwa. Di samping cara mentarjihkan pendapat-pendapat yang paling kuat.

Beberapa kesimpulan dan saranan yang terhasil daripada perbahasan yang dikemukakan diharap dapat memantapkan lagi institusi fatwa dan enakmen.

ABSTRACT

THE MUFTI'S AND FATWA'S INSTITUTION: AN ANALYSIS ON ENACTMENT AND NUMEROUS SELECTED 'FATWA' IN NEGERI SEMBILAN

The thesis confined on The Mufti's and Fatwa's Institution: An analysis on enactment and numerous selected 'fatwa' which comprised several main parts as follows: The concept of 'fatwa' and 'mufti', values, requirements ('syarat') and its history, the 'fatwa' and mufti's enactment of Negeri Sembilan and various selected 'fatwa'. The rationale of the thesis is to study the enactment and fatwa in Negeri Sembilan.

The preamble of this thesis, discussed on the definition of 'fatwa' and mufti which further elaborated on its meaning both in terms of language, vocabulary and also its 'hukum' and the position of mufti and other related disciplines. Discussion was also based on the history of 'fatwa' and mufti, the collection of related books and the history and enactment of Negeri Sembilan. The second part discussed the enactment related to the 'fatwa' and 'mufti' together with the given appendix. Each enactment was further explained, elaborated and suggestions were made accordingly. The third part focused on the analysis of related 'fatwa', which was more practical which follows each knowledge of discipline that has been stated in the 'syarat' of 'fatwa' and further elaboration and discussion were made based on more prominent ideas.

After being debated, some of the conclusions and suggestions had been presented to strengthen the fatwa institution and enactment.

PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

الحمد لله الرحمن الذي علم القراءان خلق الإنسان علمه البيان، نحمده عدد خلقه وزنة عرشه ورضا نفسه ومداد كلماته (قل لو كان البحر مداداً لكلمات ربى لنفسه قبل أن تنفذ كلمات ربى ولو جئنا بعثله مداداً) ، (ولو أنما في الأرض من شجرة أقلام والبحر يحده من بعده سبعة أبحار ما نفدت كلمات الله)

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وسع كل شيء علما وأحصى كل شيء عدداً تبيّن السماوات والأرض ولا يبيّن، وتفني كل نسمة ونفس ولا يفني، (كل شيء هالك إلا وجهه)

وأشهد أن محمداً عبد الله ورسوله صاحب الرسالة الخاتمة والشريعة الحاكمة (قد جاءكم من الله نور وكتاب مبين، يهدي به الله من اتبع رضوانه سبل السلام ويخرجهم من الظلمات إلى النور)

اللهم اجعل صلواتك وتسليماتك وبركاتك على محمد وعلى آله وأزواجه وذراته ، كما
 صلیت وبارکت على إبراهيم وعلى آله إبراهيم في العالمين إنك حميد مجید ، وارض اللهم
 عن صحبه الكرام وعترته العظام وتابعيعهم بإحسان ، واجعلنا في زمرةهم وانفعنا بهم واحشرنا
 معهم إنك بنا رؤوف رحيم .

– أما بعد:

Rasulullah ﷺ merupakan perintis pertama dalam mengeluarkan fatwa¹ seperti yang
 dijelaskan oleh firman Allah I

قل ما أسئلكم عليه من أجر وما أنا من المتكلفين

(Sad: 86)

Maksudnya: *Katakanlah (hai Muhammad): "Aku tidak meminta upah
 sedikit pun kepadamu atas dakwahku; dan bukanlah aku termasuk
 orang-orang yang mengada-adakan".*

¹ Perkataan fatwa pada bahasanya berasal dari kata dasar *afta* yang memberi maksud penjelasan dan keterangan, namun penjelasan fatwa tidak akan berlaku kecuali setelah didahului dengan persoalan dan pertanyaan. *Lis±nul 'Arab* oleh Ibn Manz-r, Jil. 15, hal.147 &148.

Pengertian istilah bagi perkataan fatwa pula tidak jauh berbeza dengan pengertian bahasa kerana ia membawa maksud penjelasan tentang hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi soalan yang ditanya. *Al-Futuhib wa Man±hij al-Ift±'* oleh Al-Ashqar, hal. 8.

Kata Ibn al-Qayyim r.a²: "Adalah fatwa-fatwa Rasulullah S.A.W. merangkumi seluruh hukum (جوامع الأحكام) meliputi penerangan yang jelas kewajipan mentaatinya dan berhukum dengannya selepas Al Quran".

Oleh kerana para ulama sebagai pewaris nabi yang memegang jawatan fatwa maka sayugialah mereka menginsafi peranan seperti kata Ibn al-Qayyim r.a:

وليعلم المفتي عمن ينوب في فتواه وليوقن أنه مسؤول غداً ومحظى بين

يدِي الله

Maksudnya: "Dan hendaklah mufti mengetahui daripada siapa dia menjalankan/mengerti dalam memberi fatwa serta percayalah bahawa besok hari akhirat dia akan ditanya dan berdiri di hadapan Allah".

Betapa pentingnya peranan ulama hingga ³Abdullah ibn al-Mub \pm rak³ mengatakan dua golongan di kalangan manusia jika baik mereka, nescaya baiklah seluruh manusia. Lantas ditanya siapakah mereka? Katanya: Pemerintah-pemerintah dan ulama. Kalauolah tiada ulama, nescaya manusia terkial-kial mencari orang yang mampu menjelaskan hukum-hukum syariah dan akhirnya membawa kepada kejahilan syariat. Lantaran itu syaitan mengambil kesempatan untuk memandu dan memimpin mereka ke arah kesesatan.

² Ibn Qayyim- Al-Jauziyyah- *I'lam al-Muwaqqi'yn* -jil,1, hal. 9

³ Namanya ³Abdullah ibn al-Mub \pm rak ibn Wadhih lahir pada tahun 118H. Zaman pemerintahan Hisyam ibn ³Abdul Malek. Meninggal dunia pada Ramadhan tahun 181H. Mukadimah kitab al-Zuhd, hal. 35.

Berdasarkan kepada kepentingan fatwa dan mufti serta kaitannya dengan hukum-hukum yang difatwakan, penyelidik melihat perlunya satu kajian yang menjurus ke arah pengamatan mendalam dalam masalah ini.

Justeru satu tesis P.hd dalam bidang ini dikemukakan dalam tajuk **Institusi Mufti Dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan.**

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Ada pendapat yang dikemukakan oleh ahli sejarah bahawa khalifah ^cUmar ibn ^cAbdul ^cAziz⁴ adalah pemerintah Islam yang pertama yang menjadikan jawatan mufti secara rasmi. Sejak itu jawatan mufti kekal sehingga hari ini. Walau bagaimanapun dalam pemerintahan khalifah Harun al-Rashid⁵, fatwa telah dikeluarkan oleh Ab- Yusuf⁶ yang merupakan hakim pada ketika itu.

Apabila berkembangnya daulah Islamiyyah dan sistem pengurusannya disusun atur dengan lebih baik oleh khalifah-khalifah dan gabenor mengikut suasana peredaran zaman dan realiti semasa. Antara institusi yang terbabit dalam penyusunan ini ialah fatwa dan mufti. Jawatan ini disusun secara rasmi atas arahan Sultan Salim yang pertama pada kurun kesepuluh hijrah (922 H). Mufti dipilih daripada kalangan ulama' yang terkenal dengan keluasan ilmunya, beriltizam dengan wara' dan kadang-kadang cadangan dikemukakan oleh kalangan ulama' sendiri. Disamping wujudnya mufti pada setiap kota-kota besar dan daerah-daerah yang membantu mufti negara⁷.

⁴ ^cUmar ibn ^cAbdul ^cAziz lahir pada tahun 61 H di kota suci Madinah, memegang jawatan khalifah pada tahun 99 H. Mempunyai sirah yang baik dan dipuji oleh kawan dan musuh. Beliau mati diracun pada tahun 101 H. Al-Zirikly, Al-A'īlāt jil.5, hal. 50.

⁵ Namanya Harun ibn Mu'Yammad al-^cAbbāsi, lahir di Rai pada tahun 149 H. Seorang khalifah yang mempunyai keperibadian yang tinggi, pintar, alim, warak dan sifat-sifat yang mulia. Menjadi khalifah pada tahun 170 H dan meninggal dunia pada tahun 193 H. Al-Zirikly, Al-A'īlāt jil. 8, hal. 62.

⁶ Ya'kub bin Ibrahim bin Habib, lahir pada 113 H di Kufah dan wafat pada 182 H. Murid dan rakan kepada Abu Hanifah dan menjawat jawatan Qadhi pada zaman Khalifah Abbasiyah. 'Al – A'lam Zirikly jil 8, hal 193.

⁷ Dr. Linah Himsi – Tarikh al-Fatwa Fi al-Islam, hal 9.

Di Malaysia mufti telah wujud seiring dengan kedatangan Islam, tetapi secara rasminya ia bermula dalam pentadbiran Inggeris, yang mewujudkan peruntukan kewangan untuknya. Apabila jawatan mufti diterima dalam pentadbiran kerajaan, peruntukan ini dibuat di bawah tajuk ‘agama’. Dengan kedudukan yang sedemikian, pegawai-pegawai di pejabat mufti telah ditambah dari semasa ke semasa.⁸

Seiring dengan kemerdekaan yang dicapai oleh Malaysia pada 31 Ogos 1957, akta-akta dan enakmen mula digubal. Dari semasa ke semasa, peruntukan enakmen tentang agama amnya, dan mufti khasnya mula ditambah berdasarkan keperluan semasa. Hasil usaha yang dilakukan oleh badan perundangan menjadikan enakmen-enakmen ini diperluaskan lagi dan kadang-kadang wujudnya penambahan serta pindaan. Pada masa yang lain pula, ada beberapa enakmen tentang fatwa dan mufti tidak berubah, sekalipun tuntutan masa dan keadaan yang amat memerlukan peruntukan enakmen baru. Di sinilah penyelidik akan mengupas dan membuat suatu cadangan yang difikirkan perlu. Kajian ini secara langsung akan membincangkan segala peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan khasnya yang berkaitan dengan mufti dan fatwa. Bagi merealisasikan enakmen-enakmen ini, penyelidik mengemukakan beberapa fatwa yang pernah dibentangkan dalam persidangan fatwa. Ia bertujuan melaksanakan enakmen-enakmen dan lebih utama, menggunakan kaedah-kaedah *istinb±t*⁹ dan *istidl±l*.¹⁰

⁸ Abdul Munir Yacob, Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia, hal. 119 &121.

⁹ *Istinb±t*, iaitu usaha untuk mendapatkan hukum bagi sesuatu masalah daripada dalil-dalil yang muktabar.

¹⁰ *Istidl±l*, usaha untuk mencari dalil hukum bagi suatu masalah

Setiap masalah yang dibincangkan, sebelum ia diberikan sebarang fatwa memerlukan kajian yang mendalam serta mengetahui dengan tepat cara penggunaan kaedah-kaedah. Kaedah itu terbahagi kepada dua, iaitu kaedah *Uj-liyyah*¹¹ dan kaedah *Fiqhiyyah*¹².

Antara kaedah Usuliyyah ialah:

- i. Amar¹³ : lafaz yang menunjukkan makna umum samada qat'ie atau zanni.
- ii. Nahyu¹⁴ : Larangan atau tegahan.
- iii. Am¹⁵ : Sesuatu yang umum sekurang-sekurangnya daripada dua dan ke atas
- iv. Khas¹⁶ : Lafaz yang tidak mencakupi dua perkara.
- v. Mutlaq¹⁷ : Lafaz yang menunjukkan di atas pekara-perkara yang umum pada jenisnya.
- vi. Muqayyad¹⁸ : lafaz yang keluar daripada perkara-perkara yang umum dengan satu bentuk daripada bentuk-bentuk.
- vii. Mujmal¹⁹ : Pekara-perkara yang berhajat kepada penerangan.
- viii. Muradif²⁰ : Beberapa lafaz yang mempunyai satu makna
- ix. Musytarak²¹ : lafaz yang menunjukkan banyak makna dengan bebagai-bagai maksud.

¹¹ Bermaksud beberapa kaedah yang berkaitan cara atau kaedah mengistinbatkan hukum berdasarkan unsur kebahasaan, samada tentang *uslubnya* (gaya bahasa) atau *tarkibnya* (susunan ayat). Kaedah-kaedah ini banyak mempunyai kaitan yang langsung dengan huraian maksud ungkapan-ungkapan al-Quran dan juga Sunnah seperti *amar*, *nahu*, '*am*', *kh±s*, *mutlaq*, *muqayyad*, *mujmal*, *mufajjal*, *muradif*, *musytarak*, *mantuq*, *mafhum*, *z±hir*, *mu'awwal*, *nasikh* dan *mans-kh*.

¹² Bermaksud kaedah yang berfungsi memberikan kemudahan kepada mujtahid untuk mendapatkan hukum yang bersesuaian dengan matlamat syarak serta kemaslahatan ummah.

¹³ MuYammad Al-Amin Al-Syanqiti, Usl Al-Feqh 'Ala Raudatul Al- Nazirin – D±r Al-Yakin,hal.120

¹⁴ Ibid hal.213

¹⁵ Ibid hal.225

¹⁶ Ibid hal.253

¹⁷ Ibid hal.280

¹⁸ Ibid hal.281

¹⁹ Al-'ussein ibn A¥mad ibn Mu¥ammad Al-Kail±ni Al-Syafie - Al-Tahq³qat Fi Al-Syar¥i Al Waraq±t, D±r Al-Nafais – hal.322

²⁰ Dr. As'ad Abdul Ghani Al-Sayyid Al-Kafr±wi Al-Istidlal 'Inda Al-Ujliyyin, D±r Al- Sal±m hal 460

- x. Mantuq²² : Lafaz yang menunjukkan di atas maknanya
- xi. Mafhum²³ : Perkara yang menunjukkan di atas lafaz yang berlainan
- xii. Zahir²⁴ : Perkara yang terang yang tidak perlu kepada penafsiran lain untuk menerangkan kehendaknya
- xiii. Mu ‘awwal²⁵ : Lafaz yang digunakan kepada makna yang tersirat

Ulama yang dapat menguasai dua kaedah ini ditambah dengan pengetahuan yang mendalam tentang nas-nas *qat’ie* dan *zanni* daripada al-Quran dan al-Hadis sudah tentu dapat membuat rumusan dalam penyelesaian masalah dengan sebaik mungkin. Ini kerana kaedah-kaedah yang dinyatakan ini merupakan intipati kepada pelbagai ungkapan nas, sama ada nas al-Quran ataupun al-Sunnah.

Permasalahan hukum yang dinyatakan hanya pilihan daripada banyak masalah. Hal ini adalah kerana isu-isu yang dikemukakan kadang-kadang terlalu remeh dan tidak memerlukan curahan tenaga untuk ijтиhad dan juga tidak pula difatwakan oleh mufti.

Dinyatakan juga di sini bahawa fatwa-fatwa yang dibentangkan di sini hanya semasa penyelidik bersama-sama dalam perbincangan dengan Ahli Majlis Fatwa iaitu koleksi fatwa antara tahun 2000 sehingga tahun 2002 M.

Seterusnya penyelidik membuat syor, cadangan dan pindaan yang difikirkan perlu jika sesuai dengan konsep maslahat umum.

²¹ Ibid hal. 460

²² Ibid hal. 457

²³ Ibid hal. 458

²⁴ Ibid hal. 454

²⁵ Op. cit hal. 347

1.2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Terdapat dua cara perbahasan berhubung dengan fatwa:

- i. Perbincangan hanya bertumpu kepada hukum-hukum fatwa dan soal jawab agama.
- ii. Hal-hal yang berkaitan dengan enakmen-enakmen fatwa dan disertakan sedikit contoh-contoh perlaksanaan enakmen tersebut.

Cara yang pertama lebih banyak dikeluarkan oleh mufti ketika menjawab pertanyaan daripada masyarakat. Hampir kesemua jabatan mufti di Malaysia mengeluarkan koleksi fatwa yang difatwakan oleh mufti-mufti terdahulu bagi menjawab permasalahan ummah dan juga mengutarakan pandangan-pandangan dalam isu-isu semasa.

Antara koleksi yang masyhur di Malaysia ialah fatwa mufti Kerajaan Negeri Johor oleh Dato' Syed Alwee bin Tahir al-Haddad (1934-1961). Fatwa ini dijilid kepada dua jilid yang merangkumi masalah feqah, tauhid dan juga hal semasa. Koleksi ini dianggap yang terbaik pernah dihasilkan oleh mufti di Malaysia.

Mengikut pengamatan penyelidik, fatwa yang dikeluarkannya itu, menyerlahkan keilmuannya dan kesungguhannya dalam mencari jawapan daripada kitab-kitab lama yang dianggap sebagai sumber rujukan utama. Di samping penguasaan yang mendalam dalam bidang ilmu nahu, bahasa dan lain-lain, menjadikan fatwa-fatwanya berjalan mengikut kaedah-kaedah syarak.

Selain itu, terdapat juga fatwa yang dibukukan hasil daripada jawapan mufti Kerajaan Negeri Terengganu iaitu Syed Yusof bin ‘Ali Zawawi (1953-1975). Mufti ini yang berasal dari bangsa Arab, juga pernah mentahqiqkan kitab al-Musnad karya Imam al-Shafie. Fatwa ini juga boleh menyumbangkan khazanah ilmiah di negara ini.

Kebanyakan fatwa mufti dijawab secara ringkas dan jawapan yang diberikan lebih bersifat jama’ie, iaitu melalui jawatan kuasa syariah atau fatwa masing-masing. Hasil daripada jawapan-jawapan itulah akhirnya ia dibukukan. Tetapi penyelidik berpendapat jawapan yang diberikan amat ringkas, mungkin mereka berpegang kepada kaedah "*Ucaplah kepada manusia mengikut tahap pemikiran mereka*".

Penyelidik mengajak semua untuk mengimbas tinjauan pembukuan fatwa di nusantara. Di Patani, terdapat banyak ulama yang masyhur yang berkhidmat secara langsung untuk ilmu Islam. Banyak antara mereka menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi, seperti al-Fatwa al-Fataniah oleh Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah, Furu’ al-Masail oleh Syeikh Daud al-Fatani. Oleh kerana Patani berada di bawah kerajaan Thailand, perkembangan koleksi fatwa tidaklah berkembang subur kerana masalah-masalah politik dan sosial umat Islam di Patani juga terbantut.

Indonesia yang mempunyai jumlah penduduk Islam yang teramai di dunia telah membentuk Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang menjadi wadah penyatuan ulama. Dalam menjalankan fungsi dan koordinasi tersebut, MUI mempunyai beberapa bidang tugas yang berada di bawah ketua atau koordinator. Salah satu daripadanya ialah

Komisi Fatwa.²⁶ Terdapat juga ulama perseorangan yang mengeluarkan fatwa, antaranya Profesor Hamka yang telah menghasilkan koleksi soal jawab agama, dua jilid. Fatwanya cukup menarik dan menampakkan keterbukaannya dalam menganalisa dalil-dalil dan hujah. Seorang lagi ulama masyhur Syeikh Hasan Bandung juga mengarang banyak persoalan fatwa dan agama. Namanya bukan sahaja terkenal di nusantara bahkan juga di dunia Islam amnya.²⁷

Sebelum Negara Brunei Darussalam mempunyai mufti, persoalan-persoalan yang berkaitan dengan hukum dirujuk kepada tokoh-tokoh agama, imam dan pegawai masjid. Perlantikan mufti bagi Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya dilakukan pada zaman al-Marhum Sultan ‘Omar Ali Saifuddien Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28.

Haji Ismail bin ‘Omar ‘Abdul ‘Aziz menjadi mufti kerajaan selama tiga tahun, iaitu pada 1hb. April 1962 sehingga 31hb. Mac 1965. Kemudian perkhidmatannya disambung dari 8hb. Mac 1967 sehingga 3hb. Februari 1993.

Umat Islam di Negara Brunei Darussalam dapat menghayati fatwa dan bandingan hukum-hukum melalui penerbitan bahan tersebut dalam bentuk buku dan surat berita Jabatan Mufti. Di samping itu pembukuan fatwa yang diberi nama Irsyad juga dikeluarkan.²⁸

²⁶ Prof.Dr. Amir Syarifuddin, Tugas dan Tanggungjawab Ulama Dalam Masyarakat dan Pemerintahan: Pengalaman Indonesia. Terbitan IKIM, cet. 1, hal. 170.

²⁷ Al-Zirikly, , Al-A'l±m, jil. 2, hal. 184.

²⁸ Pehin Dato’ Seri Maharaja Dato’ Paduka Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz ibn Juned, Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa di Negeri Brunei Darussalam. Terbitan IKIM, hal. 157-159.

Di negara Singapura, jawatan mufti mula diwujudkan mengikut (Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966) yang lebih dikenali Akta (AMLA) "The Administration of Muslim Law Act 1966". Oleh kerana kemampuan ulama hari ini untuk berjihad secara individu agak sukar, maka ulama pada zaman ini lebih sesuai jika ijihad dilakukan secara jamaie atau kolektif. Oleh sebab itu terbentuklah beberapa jabatan kajian feqah Islam di peringkat negeri dan juga antarabangsa.

Di Singapura ia dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa untuk memberi fatwa kepada masyarakat. Ia dibukukan dalam risalah-risalah kecil bagi menjawab permasalahan ummah, yang dikenali sebagai Kumpulan Fatwa.²⁹

Di Negeri Sembilan fatwa yang dikemukakan oleh mufti Kerajaan Negeri Sembilan Tuan Haji Abu Hasan bin Haji Sail (1969-1992) telah dikumpul dan dicetak pada tahun 2001.

Cara yang kedua, yang kurang dibincangkan oleh cendekiawan kecuali beberapa risalah yang dikemukakan oleh ulama dalam mencapai anugerah, antaranya Prof. Dr. Othman Bin Haji Ishak dengan bukunya yang bertajuk Fatwa Dalam Perundangan Islam. Mengikut Prof. Dato' Ahmad bin Ibrahim, bekas Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan UIAM dalam kata-kata aluannya dalam memberi ucapan tentang buku karangan Dr. Othman Bin Haji Ishak: "*Kajian serupa ini adalah merupakan satu kajian yang pertama dijalankan di negara ini. Cadangan-cadangan yang dimajukan itu adalah sesuai dengan hal perundangan Islam*".

²⁹ Mufti Singapura, Syed Isa ibn Mohamad, Perkembangan Dan Peranan Institusi Fatwa di Singapura, hal. 146-148.

Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengambil inisiatif menganjurkan seminar berhubung persoalan ini. Koleksi kertas kerja seminar ini pula diterbitkan dengan tujuan agar para pembaca dapat membuat rujukan dan mengikuti perbincangan yang amat relevan yang dihadapi oleh umat Islam.

Terdapat sebelas kertas kerja yang dibentangkan, iaitu:

- i. Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan dan Kehakiman
 - Prof. Dato' Dr. Haji Othman bin Haji Ishak
- ii. Istinbat: Asas dan Metodeologi
 - Prof. Madya Dr. Mat Saad Abdul Rahman
- iii. Kedudukan Mazhab dalam Fatwa
 - Prof. Madya Dr. Abdullah Abu Bakar
- iv. Etika Mufti: Tugas dan Peranan dalam Menghadapi Alaf Baru
 - Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Saedon bin Awang Othman
- v. Acara Mufti Membuat Fatwa
 - Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Mohamad Ibrahim
- vi. Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa di Singapura
 - Syed Isa bin Mohamed bin Semait
- vii. Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam
 - Pehin Dato' Seri Maharaja Dato' Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
- viii. Tugas dan Tanggungjawab Ulama dalam Masyarakat dan Pemerintah : Pengalaman Indonesia
 - Prof. Dr. Amir Syarifuddin
- ix. Ijtihad, Mufti dan Internet

- Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin
- x. Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia
 - Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob
- xi. Bank Fatwa dan Internet
 - Ustaz Uthman El-Muhammady

Oleh kerana tajuk yang dikemukakan oleh penyelidik adalah gabungan daripada dua cara ini, penyelidik merasakan tidak wujud lagi risalah Sarjana atau Doktor Falsafah di dalam negara ini yang menumpukan kepada tajuk yang penyelidik cadangkan iaitu, **Institusi Mufti Dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen Dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan.**

1.3 **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat banyak sebab yang mendorong penyelidik berminat mengemukakan tajuk ini. Selain daripada sebab-sebab yang akan dinyatakan penyelidik juga terlibat secara langsung dalam Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan sebagai salah seorang AJK Syariahnya.

Memandangkan cara pelaksanaan dan enakmennya yang belum lagi diketengahkan oleh mana-mana pihak sebagai topik P.hd, penyelidik merasakan bertanggungjawab untuk membincangkan hal ini. Antara tujuan lain ialah:-

- a. Memahami dengan lebih mendalam kedudukan sebenar mufti dan fatwa dalam peruntukan enakmen yang disediakan dan hasilnya diharap akan memudahkan semua pihak menjalankan tugas-tugas mereka mengikut peruntukan tersebut berasaskan kepada struktur pentadbiran yang ada.
- b. Menganalisa peruntukan enakmen negeri dan mengesyorkan sedikit perubahan yang difikirkan perlu mengikut perubahan masa dan realiti zaman kini. Hal ini kerana kadang-kadang enakmen negeri yang lama banyak meraikan suasana dan *curuf*³⁰ pada masa itu.

() لا ينكر تغيير الأحكام بتغيير الزمان³¹

Maksudnya: "Tiada ditegah perubahan hukum-hukum dengan sebab perubahan masa".

Mungkin kaedah di atas amat sesuai sebagai jawapannya.

- c. Menambahkan beberapa peruntukan yang baru sebagai memenuhi keperluan semasa. Ini bagi memudahkan tugas-tugas mufti dan juga mengemaskinikan perkara hukum untuk disemak dengan lebih tersusun dan cepat. Ia boleh menjadikan Jabatan Mufti dan Majlis Fatwa Negeri lebih telus dan lebih 'mesra rakyat' berhubung isu fatwa.
- d. Mengemukakan disiplin ilmu dalam mengeluarkan hukum (istinbat) dengan cara mengemukakan dalil-dalil kedua belah pihak sama ada boleh atau tidak

³⁰ Kebiasaan yang diterima oleh masyarakat samada dalam bentuk perkataan atau perbuatan

³¹ 'Ali Ahmad al-Nadwi, al-Qawa'id al-Fiqhiyyah hal 65, cetakan 5, 1420 H – 2000 M, Dar al-Qalam.

dalam satu-satu hukum, kemudian mengkaji dalil yang dikemukakan mengikut ahli-ahli tahqiq dan seterusnya mentarjihkan hukum berdasarkan kaedah-kaedah syarak yang akan membuka medan perbahasan baru dalam memutuskan hukum. Ini sudah tentu menambahkan lagi khazanah ilmiah fatwa dan nilai mutunya terjamin. Cara ini dikenali sebagai Feqah Muqarin seperti mana kata al-Nawawi: “Ketahuilah bahawa mengetahui mazhab-mazhab salaf dengan dalil-dalilnya adalah antara sepenting-sepenting keperluan kerana khilaf mereka pada cabang-cabang yang merupakan rahmat seterusnya mendapat banyak faedah”.³²

1.4 SKOP KAJIAN

Penyelidik membahagikan kajian kepada tiga bahagian

- a. Kajian secara umum tajuk dan beberapa definasi fatwa dan mufti disamping itu, oleh kerana kajian ditumpukan kepada Institusi Mufti dan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan penyelidik juga mengemukakan sepintas lalu sejarah ringkas Negeri Sembilan dan enakmen-enakmen yang mula diterima pakai mengikut peruntukan.

- b. Seterusnya penyelidik mula membicarakan secara lebih terperinci enakmen-enakmen yang berkaitan dengan mufti dan fatwa Kerajaan Negeri Sembilan. Setiap seksyen yang diperuntukkan akan dianalisa

³² Mukadimah kitab Majmu^c oleh Im±m Naw±wi. – 1/5

mengikut fahaman penyelidik. Supaya pandangan tidak tersasar, penyelidik merujuk kepada pandangan beberapa ahli undang-undang dalam bidang ini termasuk Çohibul Sam±hah Dato' Mufti Negeri Sembilan, peguam Syarie dan lain-lain lagi. Bagi mendapat fakta yang lengkap dan tepat penyelidik juga merujuk beberapa buku undang-undang termasuk istilah undang-undang.

- c. Penyelidik amat berminat untuk membincangkan tentang hukum lebih-lebih lagi cara dan analisa satu-satu hukum yang diputuskan. Ini kerana hukum fatwa yang diputuskan adalah sebab utama tesis ini dikarang. Sebenarnya disiplin ilmu dalam mengeluarkan fatwa, adab-adab dan cara yang dirasakan perlu dirujuk sebelum sesuatu fatwa diputuskan. Penyelidik ingin berkongsi sama maklumat ini dengan mengemukakan dua sumber sebagai bahan sandaran.
 - i. Dalil-dalil *qat^cie*: al-Qur±n, as-Sunnah dan al-Ijm±^c.
 - ii. Dalil-dalil *zanni* seperti *al-Isthihs±n*, *al-Istish±b* dan lain-lain

Tanpa melihat kepada satu mazhab sahaja, penyelidik juga ingin menjangkau kepada mazhab-mazhab lain yang mungkin lebih kukuh dalil dan sandarannya. Ini adalah selari dengan kenyataan Im±m Syaf^cie³³

³³ Shafi^ce-Nama sebenarnya Mu¥ammad ibn Idris al-Shafie. Lahir di Ghazzah, Palestin pada tahun 150 H. Meninggal di Mesir pada malam Jumaat selepas maghrib tahun 204 H. Terkenal dengan kekuatan ingatan dan kealimannya, sehingga dijadikannya perumpamaan. Mukadimah kitab Majmu^c 1/24

إذا صح الحديث فهو مذهبي³⁴

Maksudnya: "*Jika sah hadis itulah mazhab dan peganganku*". Dalam bahasa yang lain feqah muqarin dikemukakan dalam segala fatwa bagi mendapat pendapat yang paling baik. Akhirnya penyelidik membuat kesimpulan dan cadangan-cadangan yang penyelidik rasakan perlu.

1.5 KAEDAH PENYELIDIKAN

1.5.1 Cara Kajian

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada dua kaedah:

- a- Kaedah Penyelidikan Kepustakaan
- b- Kaedah Temubual

a. Kaedah Penyelidikan Kepustakaan

Dalam bab pertama, penyelidik hanya menerangkan pendahuluan yang mengandungi latar belakang kajian, sebab-sebab pemilihan tajuk, kaedah dan pengenalan umum. Dalam bab yang kedua pula, penyelidik menjelaskan secara mendalam tentang tajuk, dengan mengemukakan takrif-takrif bahasa dan istilah syarak berhubung dengan fatwa dan mufti.

³⁴ Said bin Abdul Qadir bin Salim, al-Nazar Fi Ma ‘Allaqa al-Syafi’ e al-Qaula bihi ‘ala sihhati al-Khabar hal 58, cet. 1, 1424 H – 2003 M, Dar Ibn Hazm.

Bagi melengkapkan kajian terhadap tajuk ini penyelidik juga ingin mengimbas kembali sejarah ringkas fatwa dan mufti, latar belakang Negeri Sembilan dan enakmennya.

Bagi menjayakan kajian kaedah ini penyelidik bersandarkan kepada sumber-sumber teras/lama dan moden.

i) **Sumber-sumber lama.** Buku-buku yang menjadi rujukan utama seperti Adab Fatw \pm oleh Naw \pm w³⁵, Adab Mufti oleh Ibn al- ζ ol \pm h, I ζ l \pm m Muwaqqi ζ n oleh Ibn al-Qayyim³⁶. Termasuk juga buku feqah mazhab seperti Raudhah al- ζ lib \pm n oleh al-Naw \pm w³, Al-Wasit oleh al-Ghazali³⁷ dan lain-lain. Tentang takrif bahasa, penyelidik merujuk kepada kitab lughah (bahasa) yang muktamad seperti Lis \pm nul al- ζ Arab oleh Ibn Manz-r³⁸, Mu ζ jam Maq \pm yis al-Lughah oleh Ibn F \pm ris³⁹ dan lain-lain. Ketika mengemukakan takrif usul fiqh, penyelidik merujuk kepada kitab usul feqah seperti Al-Mustasf \pm oleh Al-Ghazali, Al-Qaw \pm ζ d oleh Al-Zarkashi dan lain-lain.

ii) **Sumber-sumber moden.** Penyelidik menjelaskan perlu juga merujuk kepada sumber-sumber baru seperti kitab-kitab karya ulama masa kini,

³⁵ Nawaw³-Namanya Zakariyya ibn Syaraf al- Nawaw³. Lahir pada bulan Muharram tahun 631 H di Nawa, Syria. Meninggal pada 24 Rejab 676 H dalam pangkuan ayahnya. Terkenal dengan tiga perkara, ilmu, zuhud dan perlaksanaannya dalam amar makruf dan nahi mungkar. Lihat mukadimah kitab Bustan al- Arifin.1-11. Al-A'lam, Al-Zirikly jil 8, hal 149.

³⁶ Ibn Qayyim –Namanya Namanya Mu ζ ammad ibn Qayyim al-Jauziyyah. Merupakan ahli feqah, usul, nahu, tafsir dan berbagai bidang. Lahir di Damsyik pada 7 Safar 691 H dan meninggal dunia pada waktu azan isyak malam khamis 13 Rejab 751 H. Mustadrak oleh Omar Kahalah,611.

³⁷ al-Ghazali-Namanya Mu ζ ammad ibn Mu ζ ammad ibn Mu ζ ammad al-Ghazali al-Thusi, Ab- ζ amid, ζ ujjatul Isl \pm m, ahli falsafah dan tasawwuf. Karyanya melebihi 200 buah. Lahir pada 450 H di Thobiran, Khurasan dan wafat pada 505 H di Thobiran. Al-A ζ lam, Al-Zirikly 7/22.

³⁸ Ibn Manzur-Namanya Jamaluddin Mu ζ ammad ibn Mukram. Lahir pada tahun 630 H di Mesir dan wafat pada 711 H di Mesir. Al-A'lam, Al-Zirikly 7/108.

³⁹ Ibn Faris-Namanya A ζ mad ibn Faris ibn Zakaria. Meninggal dunia pada tahun 360 H di Madinah Rai'. Kitabnya Mu ζ jam 1/3.

contohnya Usul Fiqh oleh Wahbah Zuhaili⁴⁰, Tarikh Fatwa oleh Lina Himsi dan juga kajian-kajian ulama dalam akhbar-akhbar, majalah-majalah dan jurnal-

jurnal berdasarkan kepada kaedah (الحكمة ضالة المؤمن⁴¹) Maksudnya: "Ilmu

itu barang hilang bagi orang mukmin".

b. Kaedah Temubual

Kaedah ini merangkumi bab tiga dan empat. Dalam bab tiga, penyelidik merujuk kepada sejarah enakmen Negeri Sembilan. Dan juga kajian satu persatu tentang seksyen yang ada kaitan dengan mufti dan fatwa.

Dalam hal ini, penyelidik merujuk kepada pandangan ahli undang-undang dan juga Sohibul Samahah Mufti Negeri Sembilan dan AJK syariahnya. Wawancara diadakan untuk tujuan ini.

Di samping itu juga penyelidik mengemukakan ulasan dan cadangan selepas setiap tafsiran enakmen.

Dalam bab empat pula, contoh-contoh diambil daripada beberapa fatwa yang diputuskan oleh AJK syariah Negeri Sembilan. Penyelidik hanya memilih beberapa fatwa dan menganalisa berdasarkan kepada beberapa sumber dan

⁴⁰ Wahbah al-Zuhaili-Namanya Wahbah Mustafa al-Zuhaili. Lahir di Dir Athiah, pedalaman Damsyik. Sekarang bekerja sebagai profesor dan pengarang. Kitab Ulama' Yatahaddathun oleh Muhammad Badawi.

⁴¹ Hadis riwayat al-Tirmizi 3/382 kata al-Tirmizi, Hadis ini dhaif.

pandangan ulama feqah yang dulu dan mutakhir. Penyelidik juga mengemukakan komentar setiap satu fatwa dengan membahaskan dalil-dalil yang sedia ada dan juga membuat beberapa kritikan terhadap sandaran dalil-dalil yang lemah berdasarkan kepada kaedah-kaedah syariah.

Dalam memutuskan sesuatu hukum, penyelidik merujuk kitab-kitab muktabar dan ulama-ulama feqah mazhab empat serta ahli-ahli tafsir dan hadis tidak ketinggalan juga ulama-ulama masa kini.

Sumber-sumber lisan dan pandangan ulama di Malaysia juga diambil kira oleh penyelidik.

1.6 Rujukan Al Quran dan Hadis.

Ayat-ayat Al-Qurn yang dinyatakan akan ditulis surah dan bilangan ayat secara terus. Dalam menterjemahkan ayat penyelidik berpandukan kepada Tafsir Pimpinan Al-Ramn. Kadang-kadang penyelidik merujuk kepada kitab-kitab tafsir bagi memahami maksud sebenar tafsir ayat tersebut. Penyelidik juga menyebut beberapa pendapat ahli tafsir. Adapun, hadis yang dinyatakan dalam tesis ini, penyelidik akan menjelaskannya pada nota kaki, perawi dan buku yang mentakhrijkan hadis ini disamping menyebut hukum hadis ini mengikut pandangan ulama hadis yang muktabar. Disamping itu, penyelidik merujuk kepada ulama hadis tentang maksud hadis-hadis tersebut.

1.7 Biografi Ulama'

Nama-nama ulama yang disebut dalam tesis ini kebanyakkan diterjemahkan riwayat hidupnya secara ringkas bagi menambahkan lagi faedah. Disamping menjadi contoh teladan dengan sifat-sifatnya yang baik seperti kata pepatah⁴²:

(فَتَشْبَهُوا إِنْ لَمْ تَكُونُوا مِثْلَهُمْ إِنَّ التَّشْبِهَ بِالْكَرَامِ فَلَا حَاجَةٌ)

Maksudnya: "*Hendaklah kamu mencontohi orang-orang yang mulia, sekalipun kamu bukan setaraf dengan mereka, kerana mencontohi mereka membawa kepada kemenangan*".

1.8 Lampiran

Kadang-kadang terdapat juga perbahasan hukum yang mengandungi kertas kerja juga dilampirkan bersama untuk mendapatkan maklumat sejelas-jelasnya berdasarkan kepada kaedah

(الحَكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعَ عَنْ تَصْوِيرِهِ)

Maksudnya: "*Hukum kepada sesuatu adalah satu cabang daripada gambarannya*".

Lampiran-lampiran ini juga diletakkan di bahagian akhir tesis.

1.9 Organisasi Kajian

⁴² Syair ini diambil daripada seorang ahli falsafah yang bernama Al-Shuhrawardi, Syarh al-Hikam, 'Abdul Majid al-Syurnubi hal 13, cet. Ke 4, 1415 H – 1994 M, Dar Ibn Kathir.

Bab 1 – Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidikan memulakan perbincangan dengan mukadimah seterusnya kajian kepada permasalahan tajuk dengan menerangkan sejarah fatwa dan pengenalan enakmen. Kemudian tinjauan penyelidikan yang lepas menjurus kepada hukum-hukum fatwa dan enakmen-enakmen fatwa yang telah dibuat kajian. Selepas itu diterangkan pula empat objektif dan skop kajian juga dinyatakan kaedah penyelidikan samada berbentuk kepustakaan dan temubual.

Kebanyakan nama-nama ulama diterjemahkan riwayat hidupnya disamping lampiran yang mengandungi kertas kerja diterangkan. Dinyatakan organisasi tesis yang mengandungi lima bab.

Bab 2 – Institusi Mufti Dan Fatwa Dalam Islam

Mukadimah kepada tajuk ini dinyatakan definisi fatwa dan mufti pada bahasa dan istilah berserta dengan tarjih. Kemudian penyelidik menerangkan kaitan antara bahasa dan istilah. Kemudian dikemukakan kelebihan fatwa dan mufti, adab-adab dan etikanya serta keutamaan fatwa dan mufti. Penyelidik juga menegaskan amaran kepada yang tidak beramanah dan bergopoh dalam berfatwa. Bab ini berakhir dengan kesimpulan, sejarah ringkas fatwa, mufti dan koleksi kitab-kitab fatwa disusuli dengan hukum fatwa dan mufti.

Bab 3 – Institusi Fatwa Dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan

Bab ini bermula dengan membentangkan Negeri Sembilan, sejarah dan asal usulnya serta geografinya. Disusuli dengan sejarah kemasukan Islam ke Negeri Sembilan dan Enakmen Fatwa. Kemudian dinyatakan setiap enakmen dengan ulasan dan cadangan. Perbahasan ini mengikut susunan enakmen yang bermula dengan perlantikan mufti hingga kepada nas yang diikuti.

Bab 4 – Fatwa-Fatwa Pilihan

Penyelidik memilih beberapa fatwa yang merangkumi permasalahan aqidah, muamalat, munakahat, perubatan dan permasalahan sosial. Bermula dengan hukum jampi dan pakai tangkal hingga kepada pembahagian zakat bagi orang yang berhutang. Penyelidik menerangkan pendapat-pendapat ulama dan dalil-dalil serta tarjih dan juga keputusan berserta cadangan. Perbahasan hukum ini dirujuk kepada al-Quran, al-Hadith, dan juga pendapat-pendapat ulama'. Keputusan yang dikemukakan oleh JK Syari'ah dinyatakan.

Bab 5 – Penutup

Dalam bab ini penyelidik mengemukakan kesimpulan, dan hasil kajian beserta dengan cadangan-cadangan lain berdasarkan kepada bab-bab yang terdahulu dengan menerangkan sasaran objektif-objektif yang dicapai. Terdapat enam belas hasil kajian dan sembilan belas saranan. Tesis ini disudahi dengan saranan daripada al-Syeikh ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan.

BAB DUA

INSTITUSI MUFTI DAN FATWA DALAM ISLAM

2.1.0 Mukadimah

Kepentingan fatwa dalam melayari kehidupan ini jelas terbukti. Dengan adanya fatwa perlaksanaan hukum-hukum syarak dapat ditegakkan mengikut kaedah-kaedah syariah.

Dengan fatwa yang benar dan tepat dapat menjamin perlaksanaan atau perjalanan syariat Islamiah. Justeru fatwa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan undang-undang Islam atau hukum syarak. Dengan kedudukannya itulah, institusi fatwa diberikan perhatian yang utama oleh dunia Islam. Ini terbukti dengan wujudnya Darul Ifta' atau nama lain mempunyai fungsi yang sama hampir di seluruh negara Islam.

Al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber utama dalam syariah Islam tidak mungkin difahami oleh semua golongan muslim kecuali mereka yang mengkaji secara mendalam dalam bidang ilmu agama. Justeru para ulama' memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan tuntutan agama bagi memberi kefahaman yang jelas dan benar dengan cara pengajaran, nasihat, tunjuk ajar dan juga fatwa.

Sebelum dilebarkan lagi perbincangan mengenai Institusi Fatwa Dan Mufti Negeri Sembilan, sayugia dikaji dahulu segala bentuk takrif dan definisi tajuk agar